

lokal

MENJELANG BELANJAWAN 2020

Mahal biar jauh, murah biar dekat

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Pembinaan rumah mampu milik perlu dilaksana di titik, kawasan infrastruktur tinggi

Kuala Lumpur

Pembinaan rumah mampu milik perlu dilaksanakan di kawasan yang berdekatan titik dan stesen infrastruktur bagi memastikan ia benar-benar mampu memenuhi keperluan penduduk di negara ini terutama membabitkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan pendapatan menengah (M40).
Pengasas Komuniti Pejuang Hartanah, Ahyat Ishak berkata, sempena pembentangan Belanjawan 2020 11 Oktober nanti, kerajaan perlu mengambil kira lonjakan permintaan bagi hartanah di bandar berikutan peningkatan penduduk yang berhijrah ke bandar.



PEMBINAAN perumahan di titik stesen prasarana memudahkan mobiliti rakyat.

"Sebagai contoh, negara jiran iaitu Singapura membina apartmen untuk rakyat berpendapatan rendah berdekatan stesen MRT dan berada di kawasan berkepadatan tinggi, rumah bagi M40 dibina di kiri dan kanan stesen, manakala rumah bagi golongan berpendapatan tinggi (T20) berada jauh daripada stesen terbabit.

"Bagaimanapun, konsep pembinaan rumah mampu milik di Malaysia berbeza di mana rumah paling mahal dibina paling dekat dengan stesen MRT sedangkan sepatutnya rumah mampu milik yang perlu dibina di

situ," katanya di sini.

Beliau berkata, jika rumah mampu milik dibina di pusat bandar yang menawarkan peluang pekerjaan utama, maka perlu ada rangkaian pengangkutan awam yang efektif dan menyeluruh.

"Bagaimanapun timbul soal kos di mana kerajaan boleh membina sistem pengangkutan awam seperti rel, namun jika tidak ramai menggunakannya maka ia menjadi perkara yang tidak logik dan tidak boleh dilaksanakan," katanya.

Ahyat berkata, terdapat dua aspek dalam konsep rumah mampu milik yang perlu diambil kira iaitu pengiraan dan geografi di mana pengiraan bagi rumah itu adalah bersamaan tiga kali pendapatan median setahun berdasarkan kepada pengiraan yang menggunakan teknik median multiple.

"Ini bermaksud jika gaji anda RM5,000 sebulan, maka rumah mampu milik anda adalah RM60,000 (pendapatan setahun) dikali dengan tiga yang memberi

jumlah RM180,000.

"Ini bermakna rumah yang layak dibeli adalah sekitar RM180,000 dan ia jelas ia tidak selari kerana jika di sekitar Lembah Klang, rumah flat kos rendah di kawasan seperti di Shah Alam dan Kota Damansara boleh mencecah RM200,000.

"Rumah mampu milik juga sepatutnya perlu berada dalam tempoh satu jam perjalanan sehala ke tempat kerja dan jika tempoh lebih daripada itu, maka ia menjadi kos tidak efektif kepada pemilik rumah," katanya.



Saya berharap banyak rumah mampu milik dapat dibina untuk golongan berpendapatan rendah supaya setiap rakyat Malaysia dapat memiliki kediaman sendiri"

Hani Wafiah Md Yassin, 33, kakitangan kerajaan



Harapan saya harga rumah dapat diturunkan supaya kami mampu memiliki rumah sendiri. Kerajaan perlu kawal pemaju yang membina banyak rumah, tetapi harga terlampau mahal"

G Roshan, 28, pekerja swasta



Saya berharap kerajaan dapat memberikan insentif pembelian rumah kepada golongan M40 dan tidak terlampau fokus kepada B40 saja"


Syamillah Zulkifli, 34, pekerja swasta



Kuala Lumpur: Kerajaan perlu menimbang semula cadangan untuk meningkatkan kebajikan termasuk pemberian elaun kritikal kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Aktivis masyarakat Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pemberian elaun terbabit perlu dimasukkan bersama cadangan kenaikan gaji buat anggota JBPM dalam Bajet 2020 selepas tidak diberikan pada tahun ini.

Menurutnya, cadangan meningkatkan kebajikan anggota bomba perlu diso-



LEE

Pertimbang elaun kritikal buat anggota bomba

kong semua pihak kerana tugas pasukan itu kini semakin mencabar.

"Elaun kritikal terbabit dijangka memberi manfaat kepada lebih 14,000 warga JBPM di seluruh negara.

"Jika elaun (kritikal) itu diluluskan, sejumlah RM18 juta diperlukan untuk diberikan kepada setiap anggota bomba pada kadar RM200 sebulan.

"Pemberian elaun itu juga wajar kerana JBPM bertanggungjawab menguat kuasa-

kan undang-undang berkaitan keselamatan dan pencegahan kebakaran serta menyediakan perkhidmatan bantuan kemanusiaan yang cekap dan berkesan," katanya, semalam.

Lee turut merujuk kepada titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebelum ini apabila baginda prihatin dengan keperluan meningkatkan kebajikan anggota bomba termasuk menyediakan

elaun kritikal.

Menurutnya, kerajaan harus menyediakan peruntukan mencukupi bagi pembangunan sumber manusia JBPM supaya mereka mempunyai kemahiran teknikal untuk menangani kes kecemasan termasuk membeli jentera, peralatan genggih serta peralatan perlindungan diri (PBE) terkini.

"Saya juga berharap usaha berterusan dapat dilakukan untuk memperbaiki tempat kerja dan perumahan ang-

gota bomba dan keluarga supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kerja sementara keluarga mereka dapat hidup dalam suasana kondusif," katanya.

Katanya, kematian tragis Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim dan kejadian lemas yang mengorbankan enam anggota bomba pada Oktober tahun lalu antara beberapa insiden wira tidak didendam berkorban nyawa menyelamatkan orang lain.